

05 JUL 1996

Mahathir-Gerakan

KONG DIBERI PILIHAN, KATA MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming yang bertindak berkecuali terhadap pindaan undang-undang Sabah pada persidangan dewan undangan negeri itu pada 17 Jun lepas diberi pilihan sama ada melepaskan jawatannya secepat mungkin atau mengubah pendiriannya.

Perdana Menteri berkata pendirian yang diambil oleh Kong mengenai pindaan undang-undang itu tidak mematuhi kehendak Barisan Nasional (BN).

"Sama ada dia tukar pendirian atau berhenti daripada BN," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata beliau telah memberikan jawapan itu ketika ditanya oleh Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik mengenai perkara itu, baru-baru ini.

Ketika ditanya bila Kong perlu meletakkan jawatannya, beliau berkata: "Sekarang...Saya mahu semuanya cepat."

Kong, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat, merupakan seorang daripada dua anggota BN yang tidak menyokong rang undang-undang pindaan Enakmen Perhutanan Sabah yang diluluskan dewan itu untuk memindahkan sesetengah kuasa Ketua Menteri kepada Kabinet negeri.

Jawatankuasa Pusat Gerakan sebelum ini menyatakan ia kesal dengan keputusan Kong, yang juga Naib Presiden Gerakan, untuk berkecuali terhadap rang undang-undang itu tetapi berkata tidak ada tindakan akan diambil terhadapnya.

Pendirian jawatankuasa pusat itu dikritik beberapa pemimpin komponen BN.

Jahid Jahim, anggota dilantik daripada Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), telah dipecat daripada partinya kerana membantah rang undang-undang itu.

-- BERNAMA

MKO MH AKD